

Kedai, rumah

musnah

Penduduk, peniaga alami kerugian besar akibat banjir luar biasa minggu lalu

>>Oleh Michelle Gun

michellegun@hmetro.com.my

HULU LANGAT: Banjir 'luar biasa' yang melanda beberapa penempatan, Rabu lalu, bukan saja menyebabkan penduduk kehilangan harta benda penting, malah membawa kerugian besar kepada peniaga di daerah ini.

Tinjauan di sekitar kawasan terjejas, semalam mendapati mangsa banjir masih memberihkan halaman rumah serta kedai masing-masing yang dipecah lumpur dan sampah.

Walaupun sibuk, ramai peniaga terutama yang mengusahakan kedai makan sudah beroperasi seperti biasa.

Mangsa dari Kampung Sungai Serai, Radial Jamaran, 47, berkata, dia menanggung kerugian besar selepas semua harta benda iaitu rumah dan barangan dalam kedai kopinya musnah.

Mengimbas hari kejadian, dia bersama isteri dan anak melalui saat cemas apabila air naik dengan cepat mencecah paras dada.



CUCI...penduduk menggunakan jentolak untuk membuang sampah.

"Air melimpah masuk pada jam 9 malam ketika kami mengemaskan barang untuk di letak di tempat tinggi.

"Bagaimanapun, kami tidak sedap hati apabila air terus naik lalu terus keluar menyelamatkan diri tanpa membawa dokumen penting," katanya.

Katanya, mujur pasukan Bomba dan Penyelamat tiba dan mereka ke pusat penempatan sementara di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai.

Seorang lagi mangsa, Syuprisai Yunus, 52, berkata, walaupun rumahnya tidak dimasuki air kerana dibina di kawasan tinggi,

dia menanggung kerugian lebih RM10,000 selepas semua peralatan dan stok barang dalam kedai runcitnya rosak.

"Saya terpaksa membeli semula semua stok barang yang musnah dan hanya rokok boleh dipulangkan kepada pembekal. Banjir kali ini yang paling teruk berbanding banjir pada 2009," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), Datuk Hasan Nawawi Abd Rahman berkata, pihaknya menghantar lori untuk mengutip sampah pukal di kawasan perumahan terjejas terlebih dahulu.

"Enam perumahan terjejas dan MPKJ menghantar lori untuk mengutip sampah serta perabot penduduk yang dilonggok di tepi jalan. Manakala Jabatan Kerja Raya akan mengutip sampah penduduk perkampungan yang terjejas," katanya.

Katanya, kerajaan negeri sudah mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengenal pasti tiga kawasan banjir di Kajang bagi tujuan merancang dan pencegahan yang akan diumumkan nanti.